



15 Disember 2017
15 December 2017
P.U. (A) 388

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PERNIAGAAN YANG DITETAPKAN) 2017

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING (PRESCRIBED BUSINESS) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN
(PERNIAGAAN YANG DITETAPKAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10B dan 60 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Perniagaan yang Ditetapkan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Perniagaan yang ditetapkan

2. Bagi maksud seksyen 10B Akta, perniagaan yang ditetapkan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[*Peraturan 2*]

PERNIAGAAN YANG DITETAPKAN

1. Perniagaan hotel, iaitu suatu perniagaan hotel, rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat atau rumah pemalaman yang menawarkan penginapan atau tempat tidur untuk disewa atau apa-apa bentuk ganjaran yang lain tanpa mengira sama ada makanan atau minuman juga ditawarkan untuk jualan.
2. Perniagaan makanan atau minuman, iaitu suatu perniagaan yang menawarkan untuk jualan apa-apa makanan atau minuman yang disediakan untuk atau dihidangkan kepada pelanggan, termasuk suatu perniagaan penghantaran makanan atau minuman kepada pelanggan.